

Enam dikompaun gaji pekerja warga asing

Kuala Lumpur: Enam peniaga bazar Ramadan di kompaun selepas didapati menggajikan pekerja warga asing dalam operasi pemantauan di sekitar ibu negara di sini.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, operasi dijalankan di sekitar Jalan Radin, Jalan Desa Jaya dan Jalan Impian In-

dah di sekitar Seputeh di sini, semalam.

“DBKL membuat pemeriksaan, pemantauan dan tindakan penguatkuasaan di tiga bazar Ramadan membabitkan aktiviti penjualan pelbagai jenis makanan dan minuman.

“DBKL mengeluarkan sebanyak enam notis kompaun kepada pemilik

lesen kerana melanggar syarat dengan melantik pembantu gerai warga asing,” katanya dalam satu hantaran di Facebook, semalam.

DBKL berkata, tindakan diambil mengikut Undang-undang Kecil (UUK) 14, Pelesenan Penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016.

Menurutnya, operasi dijalankan bagi meninjau tahap kebersihan, pengendalian makanan serta kelancaran aliran trafik di sekitar tapak bazar Ramadan.

“DBKL mengingatkan kepada semua pemegang lesen perniagaan mematuhi syarat ditetapkan oleh pihak berkuasa,” katanya.